

CNS3979

U GB 14-09 00206 BE3490

bah

K'JAAN TAK CADANG TUBUH TABUNG AMANAH UNTUK KAUM INDIA
Mahathir - MIC

JITRA, 14 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan tidak mempunyai cadangan untuk menubuhkan satu tabung amanah yang mirip Amanah Saham Nasional dan Amanah Saham Bumiputera untuk masyarakat India di negara ini.

Ketika diminta mengulas cadangan itu yang dibuat oleh Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu pada perhimpunan agung parti itu di Kuala Lumpur semalam, Datuk Seri Dr Mahathir berkata: +Yang itu akan diuruskan oleh MIC, kerajaan tak ada cadangan.+

+Lagipun, kita dah beri peluang kepada semua orang dalam rancangan-rancangan kita,+ katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Kubang Pasu di sini. Dalam cadangannya semalam, Datuk Seri Samy Vellu antara lain dilaporkan berkata bahawa memandangkan ASN dan ASB amat berjaya di kalangan Bumiputera, parti itu percaya bahawa jika tabung seumpama itu diwujudkan untuk masyarakat India, ia akan dapat memesatkan lagi pertumbuhan ekonomi negara.

Kemudian, ketika mengulung usul-usul pada mesyuarat perwakilan UMNO Bahagian Kubang Pasu, Datuk Seri Dr Mahathir, yang juga ketua bahagian itu berkata, matlamat Wawasan 2020 mungkin tidak dapat dicapai sepenuhnya sekiranya masyarakat yang bakal mewarisinya terbabit dengan dadah.-- Lagi

♥14/09/19-02MS1

CNS3980

U GB 14-09 00146 BB491

bah

Mahathir - MIC 2 Jitra

+Belia yang bakal mewarisi Wawasan 2020 perlu terlibat secara aktif dalam pertumbuhan sukarela yang sihat seperti persatuan belia,+ katanya ketika mengulung usul menyokong Wawasan 2020.

Beliau berkata, semangat yang kukuh terhadap kepercayaan kepada agama di samping berpegang kepada nilai yang baik adalah perkara penting dalam menjayakan matlamat Wawasan 2020.

Datuk Seri Dr Mahathir khawatir pembabitan belia dengan dadah akan meningkat dan masalah ini akan menjadi lebih besar jika mereka dihindangi AIDS.

Sehubungan itu, beliau menasihati orang ramai, khususnya yang gemar berkunjung ke negara jiran di utara semenanjung untuk berseronok-seronok, supaya menghentikan perbuatan itu.

Mengenai usul supaya kerajaan mengurangkan tayangan filem Barat yang bercorak keganasan dan seks di televisyen, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kerajaan telahpun memberi arahan kepada pihak berkenaan supaya mengurangkan tayangan filem seumpama itu. -- Lagi

♥14/09/19-04MST

CNS3981

U GB/14-09 00107 BB492

bah

Mahathir - MIC 3 Jitra

+Masalahnya ialah filem yang kurang ganastidak banyak boleh diperolehi manakala filem yang terlalu banyak mengandungi dialog pula mungkin membosankan penonton, terutama mereka yang tidak faham bahasa Inggeris,+ katanya.

Bagaimanapun, t erdapa t banyak rancangan lain yang berunsur keagamaan yang boleh ditonton oleh rakyat, tambah beliau.

Mengenai dakwaan kononnya wanita dieksploitasi dalam filem-filem iklan, beliau berkata, garis panduan mengenai perkara itu telah dikeluarkan.

Kepada cadangan supaya pembaca berita wanita di televisyen memakai tudung kepala, beliau berkata, mereka tidak boleh dipaksa untuk memakai tudung, sebaliknya mereka boleh dinasihatkan supaya berbuat demikian. --

Be rnama

♥14/09/19-05MST